

21 OCT 2001

MAHATHIR-PENIAGA

PENIAGA MALAYSIA PERLU LEBIH BERSIKAP PENGEMBARA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Sabarina Baharom

SHANGHAI, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa para peniaga Malaysia supaya lebih bersikap pengembara dan mencari peluang-peluang pelaburan dengan bersaing di arena antarabangsa.

Beliau berkata para peniaga tidak harus takut melabur di seberang laut dan mestilah bersedia menanggung ketidak selesaian dan kesukaran.

"Peniaga-peniaga kita tidak berapa bersikap pengembara, dan mereka suka tinggal di rumah kerana mereka amat selesa, tetapi kita perlu kelaur dan menanggung sedikit ketidak selesaian," katanya semasa melancarkan Pusat Jualan dan Perkhidmatan Pelanggan Royal Garden di sini.

Royal Garden adalah sebuah projek pembangunan harta kodominium dan rumah bandar di Shanghai, dilaksanakan oleh Yanfull (Shanghai) Co Ltd, dimiliki sepenuhnya oleh Golden Plus Holdings Bhd.

Dr Mahathir turut memuji syarikat itu kerana penerokaan beraninya ke China, dan kesanggupannya menghadapi kesukaran apabila kali pertama ia melaksanakan projek Dino-Waterpark yang telah mnejadi taman tema paling besar dan popular di negara ini.

"Saya amat gembira melihat bahawa mereka diterima dengan amat baik oleh pihak berkuasa di daerah Min Hang," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau melihat peluang-peluang pelaburan besar di China, dan tiada sebab kenapa peniaga-peniaga Malaysia tidak patut mencuba nasib mereka di negara ini dan berjaya.

Tambahnya China mempunyai potensi menjadi kuasa ekonomi besr kerana ia mempunyai 1.3 bilion pekerja ang bekerja keras, rajin dan mahir.

Pengerusi Golden Plus Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Ali pada acara yang sama berkata bahawa Shanghai menerajui galakan kemajuan dan pertumbuhan ekonomi China dengan hasil yang memberangsangkan.

"Sebagai peniaga, kami amat ghairah untuk menyertai secara cergas di bandaraya China yang mencabar dan berotientasi pertumbuhan luar biasa ini," katanya.

Katanya syarikat itu akan melaksanakan projek perumahan dengan kecergasan dan komitmen yang sama untuk kecemerlangan, seperti untuk projek Dino-Waterpark dalam tahun 1996.

Beliau berkata pelancaran pusat itu menandakan permulaan pembangunan projek itu yang meliputi kawasan 24 hektar.

"Kami akan membangunkan Royal Garden secara berperingkat, saya gembir mengumumkan bahawa kerja cerucuk Fasa IA akan bermula bulan depan dan disasarkan siap menjelang November 2002," kata beliau.

Fasa pertama projek itu dijangka menelan belanja 400 juta renminbi.

Sementara itu, Ketua Daerah Min Hang, Hong Quan Wang, berkata pada acara itu bahawa beliau ingin mengalu-alukan lebh banyak pelabur dan pelancong Malaysian ke daerah itu.

"Terdapat banyak peluang pelaburan di Min Hang menunggu para pelabur. Kami percaya melalui kerja keras kami dalam pembangunan daerah Min Hang, para pelaburan akan dapat meraih pulangan yang tinggi dalam pelaburan," tambah beliau.

-- BERNAMA

SBB HK OS